

# KURSUS PERSEDIAAN DAN PERSIAPAN PPMS FASA 3

Oleh: Azilawati Suanda

Program Fasa 3 ini merupakan kursus terakhir untuk persediaan dan persiapan PPMS bagi Minggu Suaikenal 2008/2009. Kursus ini dijalankan pada 22 hingga 24 Jun 2008 di Hotel Swiss Inn, Sungai Petani. Penyertaan seramai 134 orang pelajar termasuk MPP dan PPMS. Majlis Perwakilan Pelajar dijemput untuk turut sama di dalam kursus ini bagi memantapkan dan membantu PPMS dalam membuat persiapan dan secara tidak langsung menyumbang sebanyak idea yang mereka ada.

Kursus ini juga diselitkan slot bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dimana beberapa orang Pegawai didatangkan khas bagi menjawab segala isu dan kemusykilan PPMS dalam persediaan MSK nanti. Pelbagai isu dan masalah yang dibincangkan termasuklah makanan, pengangkutan, logistik, pendaftaran dan sebagainya. Bagi memudahkan PPMS berkomunikasi bersama ibu bapa pelajar baru nanti, satu slot ceramah bersama Dekan Pengurusan Akademik Prof. Madya Ir Mohabattul Zaman Bin Bukhari telah diadakan bagi menerangkan

berkenaan hal-hal akademik.

PPMS juga diberi ruang sesi perbincangan sesama mereka bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dan di samping mendapat peluang bertanyakan soalan kepada MPP kerana mereka lebih berpengalaman melaksanakan MSK sebelumnya. Perbincangan dipecahkan mengikut biro masing masing bagi memudahkan mereka menyenaraikan perkara-perkara yang berbangkit.

Selain itu, En. Razli Bin Ahmad, Timbalan Dekan PKKK juga turut serta dalam menyumbang idea dan memberi pandangan beliau sebagai orang yang berpengalaman. Ini bertujuan supaya segala idea dapat dikupas dan penambahbaikan dalam segala hal dapat dilaksanakan.

Mereka juga didedahkan dengan aktiviti riadah bersama jurulatih BTN. Majlis penutup dilaksanakan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, En. Mohd. Mustafa Al-Bakri Bin Abdullah. Dengan terlaksananya ketiga-tiga fasa Kursus Persediaan PPMS ini diharap dapat mewujudkan beberapa calon Pembantu Pelajar yang berkebolehan.

